

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 18 FEBRUARI 2022  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 6

## Peneroka FELDA boleh raih RM12,000 sebulan

# Peneroka FELDA boleh raih RM12,000 sebulan

### Harga sawit tertinggi dalam sejarah peluang peroleh pendapatan lebih baik

Oleh Mahanum Abdul Aziz  
mahanum\_aziz@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Harga minyak sawit mentah (MSM) yang tinggi pada masa ini, membolehkan peneroka FELDA menikmati pendapatan yang tinggi sekitar RM12,000 sebulan, sekiranya ladang mereka diuruskan dengan baik.

Pengerusi FELDA, Datuk Seri Idris Jusoh, berkata harga semasa sawit kini adalah yang tertinggi dalam sejarah, sekali gus memberi peluang kepada peneroka menikmati pendapatan yang lebih baik.

Beliau menjelaskan, pengurusan ladang yang baik akan meningkatkan hasil yang tinggi.

"Kita (FELDA) sekarang melaksanakan program meningkatkan hasil dengan penjagaan kebun yang lebih baik.

"Dengan harga semasa yang tinggi, secara purata peneroka boleh memperoleh pendapatan sekitar RM7,000 hingga RM8,000 sebulan," katanya pada sidang media sempena taklimat kejayaan dan hala tuju FELDA, di sini semalam.

Beliau berkata demikian bagi mengulas mengenai pendapatan peneroka susulan harga sawit yang tinggi ketika ini.


Beliau berkata demikian bagi mengulas mengenai pendapatan peneroka susulan harga sawit yang tinggi ketika ini.

Kontrak niaga hadapan MSM di Bursa Malaysia Derivatives ditutup pada paras tertinggi baharunya Isnin lalu pada RM5,667 satu tan bagi kontrak April berikutan berita mengenai pengurangan duti import MSM oleh India kepada lima peratus daripada 7.5 peratus.

Pemerhati pasaran menjangkakan harga MSM berpotensi mencecah RM6,000 satu tan dalam tempoh terdekat disokong asas yang kukuh ketika ini.

Sementara itu, Idris berkata, FELDA menghadkan tempoh pemberian wang sara hidup peneroka kepada empat tahun bagi mengurangkan kedudukan hutang dan menjamin kesejahteraan mereka.

Katanya, penambahbaikan dalam pengurusan sedang dilakukan FELDA termasuk membatalkan pemansuhan 80 peratus hutang peneroka.



Idris memberi penerangan ketika sesi taklimat media mengenai kejayaan dan hala tuju FELDA di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Elzairi Shamsudin/BH)

Jelasnya, hutang yang tinggi dalam kalangan peneroka berikutan salah faham bahawa wang sara hidup diberikan secara percuma.

"Hutang ini bukan satu yang baharu, ia sejak 10 atau 20 tahun lalu. Masa tanam semula, (FELDA) beri wang sara hidup. Wang sara hidup mula-mula sampai empat tahun, tetapi ada yang sampai lapan atau 10 tahun.

"Jadi sekarang ini, kita tidak berikan wang sara hidup selepas empat tahun dan hutang dapat dikurangkan," katanya.

Mengenai pencapaian FELDA setakat ini dalam usaha penstrukturan semula, Idris berkata, kemajuan yang ketara dicatatkan lembaga itu dalam pengurusan kewangan termasuk pemansuhan 80 peratus hutang peneroka dan tadbir urus yang lebih baik.

Pengarah Besar FELDA, Datuk Amiruddin Abdul Satar, menjelaskan bahawa kira-kira 90,000 daripada 112,000 peneroka FELDA sudah memeterai perjanjian pelupusan hutang dengan lembaga itu.

Beliau berkata, komitmen FELDA adalah melupuskan hutang, sementara tanggungjawab

peneroka adalah terus bersama FELDA.

Katanya, penambahbaikan pengurusan sedang dilaksanakan FELDA dalam menjamin kesejahteraan peneroka pada masa depan.

"Tanggungjawab FELDA adalah melupuskan hutang dan tanggungjawab peneroka adalah terus bersama FELDA," katanya.

Pada tahun lalu, kerajaan bersetuju melupuskan sebahagian pinjaman peneroka FELDA berjumlah RM8.3 bilion secara bersetuju terutama bagi generasi awal untuk membolehkan program rancangan pembangunan tanah itu dijayakan.

Persetujuan itu mengambil kira isu hutang peneroka yang disifatkan harus diperbetulkan terlebih dulu bagi memudahkan cara proses penajaan semula atau *restart* FELDA.

Dalam pada itu, Amiruddin berkata, rancangan FELDA untuk menjadikan FGV sebagai syarikat persendirian masih kekal.

Beliau berkata, pegangan FELDA dalam FGV kini adalah 82 peratus berbanding 34 peratus sebelum ini.

Katanya, FELDA akan membuat pengumuman mengenai se-

lesainya urusan menjadikan syarikat perladangan itu persendirian bila tiba masanya.

Dalam perkembangan berasingan, Idris menjelaskan yang FELDA tidak berdepan isu kekurangan tenaga buruh yang serius seperti dihadapi kebanyakan syarikat perladangan lain ketika ini.

Beliau berkata, kekurangan buruh ditangani dengan pengembelian tenaga oleh komuniti peneroka serta penggunaan mekanisasi dan automasi.

Katanya, kekuatan FELDA adalah peneroka sendiri, menerusi pengembelian tenaga dalam kalangan ahli keluarga bagi membantu kerja di ladang.

"Jika melihat kepada kejayaan FELDA dahulu adalah kerana kos pengeluaran yang lebih rendah ketika ladang-ladang lain tertumpu kepada buruh asing untuk mengerjakan ladang mereka, tetapi FELDA mempunyai peneroka. Itu adalah kekuatan.

"Sekarang ini, ada rancangan yang boleh mobilisasi peneroka. Walaupun dalam keadaan tidak cukup tenaga kerja, itu tidak menjadi isu kepada FELDA kerana kita mempunyai peneroka yang komited," katanya.